

**KONSEP GHULUW DALAM AGAMA: ANALISIS
ISU-ISU KONTROVERSI TERPILIH DALAM
KEPERCAYAAN DAN AMALAN SYIAH**

ASNAWI BIN OSMAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2017

KONSEP GHULUW DALAM AGAMA: ANALISIS ISU-ISU KONTROVERSI TERPILIH DALAM KEPERCAYAAN DAN AMALAN SYIAH

oleh

ASNAWI BIN OSMAN

Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera

Februari 2017

PENGAKUAN

Saya akui bahawa penulisan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali petikan-petikan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

FEB 2017

ASNAWI OSMAN

PHM0011/13(R)

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad s.a.w, keluarga serta sahabat-sahabat baginda dan seterusnya kepada umat Islam seluruhnya. Alhamdulillah, segala puji dipanjatkan ke hadrat Allah s.w.t kerana telah mengurniakan semangat, kekuatan, kesihatan, keupayaan, ‘inayah dan rahmatNya kepada pengkaji sehingga kajian ini dapat disempurnakan.

Pertama-tamanya, penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia yang dimuliakan lagi dihormati iaitu Prof. Madya Dr. Noor Shakirah Mat Akhir di atas segala bimbingan, komitmen dan kerjasama yang diberikan. Begitu banyak pengetahuan dan tunjuk ajar yang diberikan kepada pengkaji sepanjang tempoh penyelidikan ini. Tanpa keprihatinan, kesungguhan dan sokongan beliau, kajian ini tentu tidak dapat disempurnakan dengan baik.

Di kesempatan ini juga saya ingin melafazkan jutaan terima kasih dan sekalung budi kepada kedua ibu bapa dan juga isteri Hasanah Muhamad yang memberi dorongan dan sokongan material dan spiritual selama saya mengikuti pengajian di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Tidak dilupakan juga kepada guru-guru dan sahabat-sahabat yang dekat ataupun jauh yang turut sama membantu dalam pelbagai aspek.

Sekalung penghargaan juga dirakamkan kepada Institut Pengajian Siswazah (IPS) USM, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK) USM dan khusus kepada bahagian Pengajian Islamnya yang telah memberikan peluang untuk saya menyempurnakan pengajian peringkat sarjana ini. Rasa terhutang budi juga saya hamparkan kepada seluruh ahli akademik dan staf di Bahagian Pengajian Islam PPIK, di pusat-pusat pengajian USM yang lain serta IPT-IPT tempatan yang lain di mana saya turut sama memperolehi manfaat untuk menjalankan penyelidikan ini.

Akhir sekali, tidak dilupakan penghargaan kepada semua pihak dan individu yang terlibat secara lansung dan tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini.

Asnawi Osman
Bahagian Pengajian Islam
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang
FEB 2017

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Isi Kandungan	vi
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	x
Senarai Singkatan Kata	xi
Transliterasi	xii
Abstrak	xv
Abstract	xvii

BAB 1. PENDAHULUAN	1
1.1. Pengenalan	1
1.2. Pernyataan Masalah	5
1.3. Persoalan Kajian	11
1.4. Definisi Operasional	11
1.5. Objektif Kajian	17
1.6. Kajian Terdahulu	18
1.7. Skop Dan Batasan Kajian	27
1.8. Kepentingan Kajian	28
1.9. Metodologi Kajian	31

BAB 2. KONSEP GHULUW DAN HUBUNGANNYA DENGAN KEGANASAN AGAMA	35
2.1. Definisi Agama Dan <i>Al-Dīn</i>	35
2.1.1. Takrif Agama	35
2.1.2. Takrif <i>al-Dīn</i>	42
2.2. Agama Dan Matlamatnya	52
2.3. Tujuan Agama	54
2.3.1. Keperluan <i>Dāruriyyah</i>	55
2.4. Takrifan Kontroversi Dan <i>Ghuluw</i>	62
2.5. <i>Ghuluw</i> Dan Hubungannya Dengan Keganasan Agama	64
2.5.1 Konsep <i>Ghuluw</i> Dalam Agama	64
2.5.2 Pembahagian <i>Ghuluw</i>	70
2.5.3 <i>Ghuluw</i> Dan Keganasan Agama	74
2.5.4 Keganasan Pada Pandangan Islam	81
2.5.5 Keganasan Pada Pandangan Barat	86
2.5.6 Keganasan Dan Hubungannya Dengan Agama	94
BAB 3: ISU-ISU KONTROVERSI DALAM SYIAH	103
3.1. Takrifan Syiah	103
3.1.1. Takrifan Syiah Dari Segi Bahasa	103
3.1.2. Takrifan Dari Segi Istilah	105
3.1.3. Takrifan Dari Kalangan Ahli Sunnah	109

3.1.4. Takrifan Orientalis Tentang Syiah	112
3.2. Sejarah Dan Kemunculan Syiah	114
3.3. Aliran-Aliran Utama Dalam Syiah	121
3.4. Aspek-Aspek Akidah Dalam Syiah	129
3.4.1. <i>Al-Tawhīd</i> (التوحيد)	133
3.4.2. <i>Al-Nubuwah</i> (النبوة)	136
3.4.3. <i>Al-Imāmah</i> (الإمامية)	139
3.4.4. <i>Al-'Adl</i> (العدل)	142
3.4.5. <i>Al-Ma 'ād</i> (المعاد)	144
3.4.6. <i>Al-Ma 'ṣūm</i> (المعصوم)	147
3.4.7. <i>Al-Mahdī</i> (المهدي)	151
3.4.8. <i>Al-Raj 'ah</i> (الرجعة)	152
3.4.9. <i>Al-Taqiyah</i> (التقية)	156
3.4.10. <i>Al-Bada'</i> (الباء)	161
3.4.11. Kecintaan Dalam Syiah	165
3.4.12. Syiah dan Sahabat	169
3.5. Aspek-Aspek Kontroversi Dalam Syiah	173
3.5.1. Imāmah	173
3.5.1(a) Ghadīr Khum Pada Pandangan Syiah	174
3.5.2. Syariah	179
3.5.2.(a). Syiah Dan Sumber Hukum	180
3.5.2.(a)(i) Syiah Dan al-Quran	180
3.5.2.(a)(ii) Syiah Dan al-Hadīth	184

3.5.2.(a)(iii) Syiah, Qiyas dan Ijma‘	185
3.5.2.(b) Syiah Dan Ibadat <i>Khuṣūṣiyyah</i> (خصوصیة)	186
3.5.2.(c) Syiah Dan Nikah Muta‘ah	190
3.5.2.(c)(i) Takrif Muta‘ah	191
3.5.2.(c)(ii) Hukum Nikah Muta‘ah	194
3.5.2.(c)(iii) Dalil Keharusan Pada Pandangan Syiah	195
3.5.2.(d) Sambutan ‘Asyura	209
3.6.2.(d)(i) Sejarah ‘Asyura Pada Pandangan Syiah	210
3.5.3 Akhlak	216
3.5.3(a) Pandangan Syiah Terhadap Nabi dan Rasul	216
3.5.3(b) Pandangan Syiah Terhadap Para Sahabat	219
3.5.3(c) Pandangan Syiah Terhadap Isteri Nabi s.a.w	220
3.5.4. Politik	223
3.5.4(a) Imamah dan al-Mahdi Tunjang Politik Syiah	224

**BAB 4: ANALISIS ISU-ISU KONTROVERSI DALAM SYIAH MENURUT 234
AL-QURAN DAN AL-SUNNAH**

4.1. Dari Sudut Aqidah	234
4.1.1. Ketaksuhan Dalam Masalah Akidah	243
4.1.2. Pandangan Syiah Terhadap Ahli al-Sunnah	257
4.1.3. Syiah Menghalalkan Darah Dan Harta Sunni	261
4.1.4. Kepuraan Atas Nama Agama	265

4.2. Dari Sudut Syariah	269
4.2.1. Al-Quran dan al-Hadīth	270
4.2.2. Pernikahan Muta‘ah	274
4.2.2(a) Pandangan Sunni Tentang Pengharaman Muta‘ah	278
4.2.3. Sambutan ‘Asyura	288
4.2.3(a) Pandangan Sunni Tentang ‘Asyura	291
4.3. Dari Sudut Akhlak	296
4.3.1. Kebiadaban Terhadap Nabi dan Rasul	297
4.3.2. Kebiadaban Terhadap Sahabat	298
4.4. Dari Sudut Politik	303
4.4.1 Imāmah Dan al-Mahdī Dan Hubungannya Dengan Politik	304
4.4.2 Ritual Keagamaan Dan Pengaruhnya Dalam Politik	309
BAB 5: PENUTUP DAN KESIMPULAN	313
5.1. Cadangan dan Saranan	320
RUJUKAN	325
LAMPIRAN	342

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1: Konsep <i>The Chosen</i> dan juga <i>Unchosen</i>	93
Jadual 2: Kelompok Syiah berdasarkan pembahagian al-Rāzi	124

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1: Tipologi Keganasan	91
Rajah 2: Dimensi Keganasan	92

SENARAI SINGKATAN KATA

a.s	‘alayhi salam
cet.	Cetakan
Ed.	Edisi
Et.al	Pengarang bersama
hal	halaman
Ibid	Ibidem. In the same place/ di tempat yang sama
Jil	Jilid
m.	meninggal
r.a	Rađiya Allah ‘anh
s.a.w	Sallā Allāh ‘Alayh wa Sallam
s.w.t	Subḥānahu Wata‘alā
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
t.th	tanpa tarikh
Terj.	Terjemahan
UIA	Universiti Islam Antarabangsa
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia

TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan dalam tesis ini adalah berdasarkan sistem ejaan baru Bahasa Melayu¹. Manakala perkataan-perkataan Arab dieja berdasarkan sistem transliterasi seperti berikut ;

1. KONSONAN:

:

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
أ	a	سأْل	Sa'ala
ب	b	بَدْل	Badal
ت	t	تَمَر	Tamr
ث	th	ثُورَة	Thaurah
ج	j	جَمْل	Jamal
ح	h	حَدِيث	Hadīth
خ	kh	خَالِد	Khālid
د	d	دُعْوَة	Dakwah
ذ	dh	كَذْب	Kadhaba
ر	r	رَحْمَن	Rahman
ز	z	زَمْزَم	Zamzam
س	s	سَرَاب	Sarāb
ش	sy	شَمْس	Syams

¹ Kamus Dewan Edisi ketiga, ketua Editor Hajah Noresah bt Baharom, B.Sc (UM), M.A (Birmingham), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996.

ص	ṣ	صبر	Şabr
ض	ḍ	ضمير	Damîr
ط	ṭ	ظاهر	Tâhir
ظ	ẓ	ظاهر	Zâhir
ع	‘	عبد	‘Abd
غ	gh	غيب	Ghayb
ف	f	فقه	Fiqh
ق	q	قاضي	Qâdî
ك	k	كأس	Ka's
ل	l	لبن	Laban
م	m	مزمر	Mizmar
ن	n	نوم	Nawm
و	w	وصل	Waşl
ه	h	هبط	Habaṭa
ي	y	يسر	Yasar

2. VOKAL

1. VOKAL PENDEK

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
أ	a	فعل	fa'ala
و	i	حسب	ḥasiba
ي	u	كتب	kutiba

2. VOKAL PANJANG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
أ/ي	ā	كاتب/ قضى	kātib/ qadā
ي	ī	كريم	karīm
و	ū	حروف	ḥurūf

3. DIFTONG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
و	aww	قول	qawl
ي	ay	سيف	sayf
ي	i	رجعي	raj‘i/ raj‘iyy
و	uww	عدو	‘adu/ ‘aduww

KONSEP GHULUW DALAM AGAMA: ANALISIS ISU-ISU KONTROVERSI TERPILIH DALAM KEPERCAYAAN DAN AMALAN SYIAH

ABSTRAK

Ghuluw dalam agama merupakan salah satu topik perbahasan yang utama dibincangkan oleh sarjana agama. Perbahasan yang utama ialah untuk melihat elemen-elemen dan faktor yang menyebabkan *ghuluw* yang wujud dalam agama itu sendiri. *Ghuluw* itu pula muncul dalam pelbagai agama di dunia ini. Islam juga tidak terlepas dari pandangan yang mengaitkannya dengan ciri tersebut. Syiah merupakan suatu mazhab atau aliran yang cukup kontroversi dalam kepelbagaian mazhab yang wujud dalam perkembangan Islam. Ia dipaluti dengan pelbagai isu sejak daripada awal kemunculannya sehingga digolongkan dalam mazhab yang menyeleweng dan sesat pada pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Isu-isu yang dibangkitkan pula bersangkutan dengan akidah, syariah, politik mahupun akhlak yang dapat dilihat dalam penulisan-penulisan ulama mereka. Islam merupakan sebuah agama yang mendorong umatnya melakukan kebaikan dan menonjolkan sifat rahmat kepada sekalian alam. Oleh itu Islam sangat menitikberatkan pemeliharaan terhadap agama sebagaimana yang terdapat dalam *maqāṣid syar‘iyyah*. Penisahan Islam dengan unsur-unsur yang menyeleweng merupakan perkara yang diambil berat oleh ulama dahulu sehingga kini supaya Islam terpelihara daripada anasir-anasir yang boleh merosakkan agama. Kemunculan-kemunculan istilah yang dinisbahkan kepada Islam seperti *Islamophobia, terrorist, radical, extremis* dan sebagainya merupakan suatu

natijah kepada kesalahfahaman yang diletakkan kepada Islam. Perkara ini akan menjelaskan nama baik Islam secara keseluruhannya. Oleh itu, objektif kajian ialah untuk untuk menjelaskan konsep *ghuluw* dan juga hubungannya dengan agama. Di samping itu kajian ini juga akan membincangkan isu-isu utama yang menjadi kontroversi dalam ajaran Syiah dan menganalisis isu-isu tersebut serta melihat hubungannya dengan elemen-elemen *ghuluw* terutama yang melibatkan isu-isu kontroversi dalam Syiah berdasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah pengumpulan data daripada perpustakaan. Data-data yang diperolehi akan dianalisis melalui kaedah induktif dan juga deduktif untuk memperolehi rumusan terhadap isu *ghuluw* dalam agama dan hubungannya dengan Syiah. Kajian ini menunjukkan bahawa ekstremisma agama bukannya berhasil daripada atas agama itu sendiri melainkan ianya diberi gambaran dan fahaman yang salah dan menyeleweng. Isu-isu agama yang terdapat dalam ajaran Syiah telah diberi penafsiran yang jauh daripada kehendak Islam yang akhirnya boleh membawa kepada munculnya elemen *ghuluw* dalam agama. Pelbagai pemahaman yang ditimbulkan dalam Syiah tidak menepati kehendak dan juga pemahaman yang boleh disandarkan kepada al-Quran mahupun al-Sunnah seterusnya melahirkan elemen *ghuluw* dalam agama.

CONCEPT OF GHULUW IN RELIGION: ANALYSIS OF SELECTED CONTROVERSIAL ISSUES IN THE DOCTRINES AND PRACTICES OF SHI'ITES

ABSTRACT

Religious extremism or *ghuluw* is a major topic of debate discussed by religious scholars. The main focus is to see the elements and factors that lead to extremism in the religion itself. Religious extremism on the other hand appears in the various religions of the world. Islam is also not spared from the view that associates it with extremism. The Shi'ites sect is a controversial school of thought existing within the diversity of sects in the views of *Ahl Sunnah Wal Jamaah*. These issues raised are related to faith, sharia, politics or moral characters that can be seen in the writings of their scholars. Islam is a religion that encourages its followers to do good and highlights the notion of *rahmah* (mercy) to the worlds. Thus Islam is very concerned with the preservation of religion as contained in *maqāṣid al-syar'iyyah*. Rationalizing Islam with elements of the absurd is a matter of concern to scholars of the past until today so as to ensure that Islam is protected from elements that can harm the religion. The manifestation of terms ascribed to Islam such as *Islamophobia*, terrorism, radicalism, extremism and so on is a result of misunderstanding placed to Islam. This will affect the reputation of Islam as a whole. Therefore this study tries to explain the concept of extremism and its relations with religion. In addition, this study will also discuss the key controversial issues in Shi'ite teachings and analyze these issues based on al-Quran and al-Sunnah as well

as their relationship with the elements of religious extremism. This is qualitative study using library research. The data obtained was analyzed through inductive and deductive methods to derive conclusions on the issues of extremism and its relationship with the Shi'ite. This study shows that religious extremism is not derived from the religion itself unless it was given the wrong and perverted impression and understanding. Religious issues contained in the teachings of Shi'ite have been given interpretations that steer so far away from the dictates of Islam which may eventually lead to the emergence of religious extremism. The various understandings emerged within Shi'ite do not meet the dictates and also understanding that can be traced back to al-Quran and al-Sunnah which eventually led to the birth of religious extremism.

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 . PENGENALAN

Matlamat utama kajian ini ialah untuk menganalisis konsep *ghuluw* dalam agama dengan melihat isu-isu kontroversi yang muncul daripada ajaran-ajaran Syiah yang dianggap tidak selari dengan tuntutan Islam yang sebenar. Kontroversi-kontroversi yang berlegar dalam masalah keagamaan bukan sahaja akan menjaskankan nama baik Islam malahan akan membawa kepada penyelewengan dan merosakkan agama Islam itu sendiri. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti sumber-sumber yang digunakan oleh ulama-ulama Syiah dalam memanipulasi ajaran mereka dan seterusnya memberi kesan kepada pengikut-pengikutnya secara khusus dan juga masyarakat Islam amnya.

Pemilihan Syiah sebagai fokus utama kajian kerana anutan dan ajaran ini telah sekian lama menjadi isu yang tiada penghujungnya dan masih berlegar dalam masyarakat terutamanya di Malaysia yang majoritinya menganut fahaman *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*. Jika ajaran sesat yang berlaku dalam masyarakat dapat dipatahkan oleh usaha kerajaan terutama melalui jabatan-jabatan agama seperti

JAKIM dan juga Majlis Agama Negeri, tetapi bagi kes Syiah, ianya sukar dibendung kerana ia lebih bersifat “underground” dan ada unsur “taqiyyah” dalam ajaran ini. Jika diambil pentakrifan yang ringkas kepada ajaran sesat oleh Abdul Rahman Yunus² dalam artikelnya “Mengenal Ajaran Sesat di Malaysia”, beliau mentakrifkan bahawa ajaran sesat ialah “sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang-orang yang bukan Islam yang mendakwa ajaran dan amalan yang dibawa mereka itu berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa mereka itu bertentangan dan berlawanan dengan akidah dan syariah Islamiyah, bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah, bertentangan dengan mazhab yang *mu'tabar* dan bertentangan dengan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*. Maka, jika diambil pentakrifan ini sebagai kayu ukur kepada penilaian terhadap ajaran Syiah, maka telah nyata ianya tergolong dalam kumpulan ajaran sesat dan sama dengan ajaran-ajaran sesat yang lain. Kelompok ini wajib difahami entiti ajaran mereka dan dibendung supaya ianya tidak berleluasa.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam satu Muzakarah Khas, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah membincangkan tentang Syiah di Malaysia. Muzakarah tersebut telah memutuskan beberapa perkara yang berkaitan dengan Syiah antaranya semua aliran dalam mazhab Syiah tidak boleh diamalkan termasuk Zaidiyah dan juga Ja'fariyah. Fatwa ini telah memansuhkan fatwa yang dikeluarkan dalam satu muzakarah pada tahun 1984 yang membenarkan Syiah Zaidiyah dan

² Ab. Rahman Yunus, 2001, *Mengenal Ajaran Sesat di Malaysia* dalam Islam, Akidah dan Kerohanian sunt. Zakaria Stapa dan Mohd Asin Dolah, Bangi: Penerbit UKM.

Jafariyah diamalkan. Begitu juga melalui muzakarah ini beberapa resolusi telah dicapai antaranya hanya pegangan *Ahl Sunnah wa al-Jamaah* digunakan dalam bab akidah, syariah dan akhlak, penyebaran ajaran-ajaran selain dari *Ahl Sunnah wa al-Jamaah* adalah dilarang dan segala penerbitan, penyiaran dan penyebaran buku-buku, risalah-risalah, filem, video dan lain-lain yang berhubung dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan *Ahl Sunnah wa al-Jamaah* adalah diharamkan. Fatwa yang diputuskan ini telah diwartakan oleh seluruh negeri-negeri di Semenanjung melainkan Pahang, Sabah dan Sarawak.³

Abdulfatah Haron Ibrahim menukilkan dalam bukunya *Aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan Kebatinan* menyebut bahawa “Dalam sejarah perkembangannya juga, gerakan agama ini meninggalkan imej yang buruk iaitu dipenuhi dengan penggunaan ugutan, ancaman, percaduhan dan kekerasan. Di belakang mereka ialah ahli fiqh dan mujtahid yang memberi fatwa demikian. Di atas sikap dan pendirian seperti ini maka Syiah tidak disegani. Sikap kekerasan seperti ini adalah warisan daripada saki baki gerakan Syiah Ismailiyah yang berpusat di Alamut⁴ yang diketuai oleh al-Hasan al-Sabah pada abad keenam hijrah yang kadangkala menggunakan

³ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/syiah-di-malaysia> (atas talian) akses pada 26/2/2014.

⁴ Alamut merupakan sebuah kawasan (*territories*) yang dikuasai oleh Syiah pada tahun 483-654H yang meliputi jajahan Iran dan Syria. Syiah pada masa itu dikenali sebagai Syiah Ismā‘iliyyah yang terkenal dengan gelaran *The Assassins*. Wazir Niżām al-Muluk dikatakan menjadi mangsa kepada kelompok Syiah yang melampau ini. Pembunuhan ini juga diiktiraf oleh sumber Syiah sendiri. Dengan pembunuhan ini juga menyebabkan al-Ghazālī berusaha memahami gerakan ini dengan menulis karya-karya yang menentang mereka (lihat al-Khast, Muhammad Uthmān, 1988, *Harakah al-Hassyāsyīn: Tārīkh wa ‘Aqāid Akhṭar Firqah Sirriyah fi al-Ālam al-Islāmī*, al-Qāherah: Maktabah Ibn Sīnā, hal 76, lihat juga Brockelmann, Carl, 1960, *History Of The Islamic People*, New York: Capricorn Books Edition, hal 173, *Encyclopedia of Islam*, ed H. A. R. Gibb et.al, Leiden: E. J. Brill, hal 353).

*hasyisyi*⁵ dan seumpamanya. *Wazir Nizām al-Muluk* dibunuh hendap oleh golongan ini melalui perintah Hasan al-Şabah. Taktik ini ditiru oleh Syiah sekarang. Tetapi ia bukan sekali-kali ajaran Rasulullah s.a.w, ‘Ali bin Abi Ṭālib dan imam-imam Syiah seterusnya’⁶.

Ajaran yang salah dan *batil* itu dianggap sebagai ‘virus’ yang akan merosakkan ummah jika tidak dibendung daripada awal tahap perkembangannya. Walaupun terdapat pandangan yang mengatakan bahawa ajaran Syiah yang terawal tidak menunjukkan sifat yang ekstrem yang boleh memecahbelahkan umat Islam sehingga terpisah di antara Sunni dan Syiah sehinggalah abad yang ke-6⁷, namun sifat tersebut telah lama dibincangkan oleh ulama-ulama terdahulu hingga sekarang. Tiada titik pertemuan antara Sunni dan Syiah walaupun usaha tersebut telah banyak dilakukan samada melalui forum, persidangan, perdebatan, penulisan dan sebagainya.

Selama ini masyarakat selalu menganggap Syiah sebagai sebahagian daripada Islam dan majoriti umat Islam sukar untuk menilai dan menentukan sikap dan

⁵ *Hasyisi* ialah suatu kaedah membunuh secara senyap sebagaimana makna asalnya dari segi bahasa iaitu lembut, senyap dan seumpamanya (lihat Rūhi Baalbaki, 1995, *al-Mawrid*, Beirut: Dār al-‘Ilm Lil Malāyīn, hal 1208). Ia juga dikaitkan dengan istilah *assasins* dalam bahasa Inggeris dan juga sejenis racun yang digunakan untuk diletakkan dalam minuman atau seumpamanya dengan tujuan untuk membunuh, lihat ‘Umar, Fāruq, t,th, *Al-Khumainī wa Sillatuha Bi Harakat al-Ghuluw al-Fārisiyah wa Bi al-Iritih al-Baṭinī*, Baghdad: Mansyūrāt Munazzamah al-Mu’tamar al-Islāmī al-Sya’bī, hal 101, *Encyclopedia of Islam*, ed H. A. R. Gibb et.al, Leiden: E. J. Brill, hal 353.

⁶ Abdulfatah Haron Ibrahim, 2002, *Aqidah Ahli Sunnah Wal Jama’ah dan Kebatinan*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, hal 210, lihat juga Charles Kimball, 2008, *When Religion Becomes Evil*, United States: HarperCollins Publishers Inc, hal 99.

⁷ Bufano, Michael P, 2008. *A Reconsideration of Sunni-Shi'a Divide in Early Islam*, Tesis M.A. Clemson University, hal 3.

pendirian mereka terhadap fahaman ini. Perkara ini disebabkan oleh beberapa perkara yang mendasari pemikiran dan ajaran ini sendiri, kurangnya informasi dan maklumat tentang ajaran ini sama ada dari segi sejarahnya, sumber, doktrin pegangan mereka dan sebagainya yang lebih menyukarkan lagi keadaan. Oleh yang demikian, bertitik tolak dari kekurangan inilah orang-orang awam secara umumnya akan menganggap Syiah ini tidak lain melainkan salah satu mazhab dalam sejarah perkembangan Islam sebagaimana aliran mazhab-mazhab dalam Islam yang lain. Oleh itu melalui kajian ini, diharap mampu memberi lebih kefahaman tentang ajaran Syiah ini dan penyelewengan mereka terutamanya yang melibatkan dan mempunyai unsur-unsur kontroversi yang sengaja diwujudkan untuk mengelirukan umat Islam. Kontroversi yang tidak berkesudahan tersebut akan memberi kesan yang lebih buruk sehingga menimbulkan keganasan dalam agama dan umatnya.

1.2 . PERNYATAAN MASALAH

Islam secara jelas memberi gambaran kepada umatnya bahawa konsep keamanan, kesejahteraan, ketenteraman yang mendasari agama Islam itu sendiri akan terhasil apabila segala suruhan dan larangan yang terkandung dalam agama itu dipatuhi dan dilaksanakan dengan sepenuhnya. Sebagaimana yang digambarkan dalam firman Allah s.w.t:

﴿لَهُمْ دَارُ السَّلَامِ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَهُوَ لِيُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ﴾⁸ ﴿١٧﴾

Maksudnya: “Bagi mereka yang aman sejahtera) di sisi Tuhan mereka, dan Dialah (Allah) penolong mereka disebabkan amal-amal (yang baik) yang mereka telah kerjakan”.*

Kemudian yang menjadi piawai kepada penentu kepada kesejahteraan ataupun derita dalam kehidupan manusia sama ada di dunia ataupun akhirat ialah konsep “rahmat”. Unsur “rahmat” ini pula merujuk kepada kehadiran Nabi Muhammad s.a.w bersama risalah yang dibawa oleh baginda sebagaimana firman Allah s.w.t:

﴿وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ﴾⁹ ﴿١٧﴾

Maksudnya: “Dan tiadalah Kami mengutuskan engkan (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam”

Risalah yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w iaitu Islam merupakan suatu risalah rahmat daripada Tuhan kepada orang yang mahu menerima dan mengamalkannya. Namun dalam hubungan ini, timbul persoalan, apakah yang dimaksudkan dengan rahmat itu? Al-Jurjānī dalam kitabnya *al-Ta’rifat* menjelaskan tentang maksud rahmat dengan makna merujuk kepada suatu keinginan untuk

⁸ Al-An‘ām: 127.

* Semua terjemahan al-Quran dalam kajian ini akan merujuk kepada *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran* oleh Syeikh Abdullah Basmeih, cetakan 2013, Kuala Lumpur, Dār al-Fikr.

⁹ Al-Anbiyā: 107.

menyampaikan kebaikan¹⁰. Maka dapat dijelaskan di sini bahawa agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muḥammad s.a.w menurut perspektif al-Quran merupakan suatu suruhan Tuhan untuk menyebarkan kebaikan yang tentu sekali terkandung di dalamnya unsur-unsur kesejahteraan dan keselamatan supaya dinikmati oleh seluruh alam semesta terutama sekali makhluk manusia.

Dalam membicarakan tentang konsep *ghuluw* dalam agama, ianya merupakan suatu topik yang sangat kompleks. Agama yang dianuti oleh umat manusia sama ada yang dikategorikan sebagai agama *samawi* atau *wadī* sentiasa mencanangkan kesederhanaan kepada penganutnya. Namun demikian , apabila berlaku konflik atau keceleruan yang melibatkan agama maka agama yang akan dipersalahkan terlebih dahulu dan menjadi sebab kepada kemunculan istilah-istilah yang dominan seperti *Islamophobia, terrorist, radical, extremis* dan sebagainya. Sedangkan imej sebenar agama telah tercemar dan tercaltar oleh fahaman dan tafsiran yang salah terhadap agama itu sendiri. Israela Silberman dan rakan-rakannya dalam satu kertas kerja bertajuk “*Religion and World Change: Violence and Terrorism Versus Peace*” memberi gambaran bahawa agama mempunyai dua sisi berbeza yang boleh membawa perubahan kepada dunia ini sama ada dari segi positif dan juga negatif, begitu juga aktiviti keagamaan boleh mencetuskan keamanan dan keganasan¹¹.

¹⁰ Al-Jurjānī, ‘Alī bin Muḥammad, 1985, *al-Ta’rīfat*, Beirut: Maktabah Lubnan, hal 115.

¹¹ Israela Silberman, E. Tory Higgins and Carol S. Dweck, 2005, Religion and World Change: Violence and Terrorism Versus Peace dalam *Journal of Social Issues: The Society for the Psychological Study of Social Issues*, Vol 61(4), hal 761.

Konflik dan keganasan yang terhasil daripada sifat *ghuluw* bukan sahaja melibatkan agama Islam semata-mata malahan agama-agama lain juga turut terlibat sama dan telah tercatat dalam sejarah bahawa agama-agama yang kuno seperti Yahudi, Zoroster, Kristian dan lain-lain telah melalui suatu fasa yang mana keganasan yang berlaku bersandarkan kepada keadaan-keadaan yang tertentu¹². Agama yang benar tidak mempromosikan keganasan sebaliknya akan membawa rahmat kepada penganutnya. Tidak menghairankan jika agama selain Islam melakukan keganasan akan tetapi jika keganasan yang berlaku adalah disebabkan oleh penganut Islam sendiri dan atas nama memperjuangkan agama Islam, maka suatu penilaian dan penelitian perlu dibuat untuk melihat sejauhmana nilai-nilai sebenar agama dituruti dan dipatuhi.

Dalam melihat hubungan antara ajaran yang dibawa oleh Syiah dan unsur *ghuluw* yang timbul akibat daripada kontroversi-kontroversi dalam fahaman mereka yang menyeleweng, maka suatu kajian yang teliti perlu dilakukan untuk membuktikan bahawa nilai Islam yang dibawa oleh mereka tidak menepati tafsiran dan tuntutan sebenar Islam yang akhirnya mencemarkan nama Islam itu sendiri. Bagi mereka yang melihat permasalahan *sectarian* dalam Islam sebagai suatu perkara yang lumrah dan biasa berlaku dalam sejarah perkembangan Islam, tidak akan melihat Syiah sebagai suatu ancaman kepada akidah umat Islam secara umumnya sebaliknya melihat ia dari sudut kacamata kemanusiaan yang perlu diperjuangkan keharmoniannya. Perkara ini dibincangkan oleh Chandra Muzaffar dalam artikelnya

¹² Hall, John. R, 2001, *Religion and Violence: Social Process in Comparative Perspective*, hal 1-2.

yang bertajuk “The Shia Issue in Perspective”¹³. Beliau melihat bahawa masyarakat awam perlu dididik dan diberi maklumat tentang perpecahan antara Sunni dan Syiah adalah suatu produk politik dan melihat dari sudut positif dari kacamata kebersamaan dari sudut keagamaan dan juga kesatuan ummah. Pandangan yang seakan sama dengan beliau juga dikemukakan oleh Faizal Musa dalam artikelnya “Malaysian Shi’ites Lonely Struggle” yang melihat pelbagai laporan yang mengaitkan isu penangkapan dan juga serbuan oleh pihak berkuasa agama di Malaysia terhadap penganut Syiah. Beliau merumuskan bahawa manusia mempunyai kebebasan mengamalkan agama masing-masing termasuklah Syiah. Kekangan untuk mengamalkan agama untuk seseorang dianggap sesuatu yang melampau dan melanggari hak-hak kemanusiaan, begitu juga sikap-sikap ulama Malaysia yang dianggap egoistik dalam menangani masalah Syiah¹⁴.

Dari sudut akidah umpamanya, al-Ghazālī meletakkan puak Syiah *Ismā‘iliyyah* sebagai salah satu kelompok *bātiniyyah* yang setaraf dengan *al-Qarāmiyah*, *al-Bātiniyyah*, *al-Sabi‘yah*, *al-Kharmadāniyyah*, *al-Ta‘līmiyyah*, *al-Bābakiyyah* dan sebagainya. Dalam kitabnya *al-Fadāih al-Bātiniyyah*¹⁵, beliau menjelaskan kontroversi-kontroversi dan penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan oleh kelompok-kelompok ini dalam masalah ketuhanan, kenabian, Imāmah, hari kiamat dan kebangkitan semula manusia dan juga dalam masalah *taklif*

¹³ Muzaffar, Chandra, 2013, *The Shia Issue in Perspective* dalam forum Sunni-Shia Dialogue, 11th Rhodes Forum, Greece, <http://wpfdc.org/sunni-shia-dialogue/18818-the-shia-issue-in-perspective>, akses pada 17/12/13.

¹⁴ Faizal Musa, 2013, *Sunni-Shia Dialogue Plenary Meeting*, 11th Rhodes Rhodes Forum, Greece, <http://wpfdc.org/sunni-shia-dialogue/18818-the-shia-issue-in-perspective>. Lihat juga artikel “Malaysia Shi’ites Lonely Struggle” akses pada 17/12/13.

¹⁵ Al-Ghazālī, Abu Ḥamīd, 1964, *Fadāih al-Bātiniyyah*, Qāherah: Maktabah al-‘Arabiyyah, hal 11.

syar'i. Golongan-golongan sesat ini telah memutarbelitkan nas-nas al-Quran dan juga memanipulasi hadis-hadis seterusnya mencipta hadis-hadis palsu yang lebih cenderung ke arah pemikiran mereka. Walaupun karya al-Ghazālī lebih menumpukan kepada golongan *Ismā'iliyyah* namun secara umumnya ajaran dalam Syiah mempunyai asas-asas yang sama antara satu sama lain.

Kontroversi yang dilakukan oleh Syiah terutamanya oleh mereka yang dilabelkan sebagai ekstrem (*ghulāt*) telah banyak diperkatakan oleh para sarjana yang membicarakan tentang perkembangan *fīraq* yang wujud dalam Islam. Kontroversi yang berlegar di sekitar masalah agama memberi kesan yang amat besar sehingga mencetuskan ancaman dan keganasan. Oleh itu, demi kelangsungan politik yang diperjuangkan akhirnya membawa kepada pembunuhan, pengusiran, dan seumpamanya. Perkara yang haram dihalalkan dan begitulah sebaliknya yang seterusnya membawa kepada kemusnahan agama Islam dari dalam¹⁶. Ahmad Amīn mengaitkan keekstreman puak-puak Syiah adalah disebabkan oleh asal-usul Syiah itu sendiri yang telah dipengaruhi oleh kaum Yahudi, Nasrani, Zoroster dan Hindu. Mereka menjadikan sifat kecintaan kepada *ahl al-bayt* sebagai kuda tunggangan ataupun topeng untuk mempengaruhi umat Islam¹⁷.

Mereka yang dianggap ekstrem telah terpengaruh dengan agama-agama luar yang datang sebelum Islam. Dengan sebab unsur-unsur asing inilah menyebabkan

¹⁶ Al-Maghribī, ‘Ali ‘Abd al-Fatāh, 1995, *al-Fīraq al-Kalāmiyah al-Islāmiyyah: Madkhāl Wa Dirāsah*, Qāherah: Maktabah Wahbah, hal 145.

¹⁷ Amīn, Ahmad, 2000, *Fajr Islām*, Maktabah al-Usrah, hal 437.

para penguasa Umayyah berusaha untuk memerangi mereka dan menghapuskan anasir-anasir yang cuba menghancurkan Islam dari dalam. Apa yang ada pada mereka adalah sikap kebencian terhadap orang Arab dan kerajaan-kerajaan mereka dan mereka berusaha membebaskan diri mereka dari kekuasaan kerajaan pada masa itu¹⁸. Berita-berita tentang pembunuhan terhadap ulama-ulama yang berusaha untuk menjelaskan kebenaran dan kesesatan oleh pengikut Syiah telah terpahat dalam sejarah dan pembunuhan tersebut juga sebagai suatu cara untuk mengekang peranan ulama dari mempengaruhi minda masyarakat¹⁹.

1.3. PERSOALAN KAJIAN

Dalam kajian ini beberapa persoalan ingin dirungkaikan antaranya:

- i) Apakah yang dimaksudkan dengan *ghuluw* dalam agama?
- ii) Apakah faktor yang menyebabkan *ghuluw* wujud dalam kalangan mereka yang beragama?
- iii) Apakah hubungan di antara *ghuluw* dan keganasan agama?
- iv) Apakah isu-isu yang boleh dikategorikan sebagai kontroversi dalam fahaman Syiah?
- v) Adakah isu-isu kontroversi dalam Syiah yang bersifat *ghuluw* boleh dikaitkan dengan elemen keganasan?
- vi) Bagaimanakah al-Quran dan al-Sunnah menjelaskan isu-isu kontroversi dalam Syiah?.

¹⁸ Ibid, hal 438.

¹⁹ Al-Ghazālī, Abu Hamīd, *Faḍāih al-Bāṭiniyyah*, Kuwait: Muassasah Dār al-Kutub al-Thaqāfiyyah, hal 10.

1.4. DEFINISI OPERASIONAL

Dalam kajian ini, beberapa istilah utama perlu diberi perhatian iaitu *ghuluw*, kontroversi, Syiah dan juga analisis. Kesemua istilah ini adalah tunjang kepada kajian yang akan dijalankan.

Ghuluw dalam agama atau ekstremisme agama merupakan rangkai kata yang dihubungkan antara satu sama lain untuk menunjukkan sesuatu ciri yang khusus. Kedua-dua istilah ini mempunyai makna yang berbeza antara satu sama lain. Namun apabila ianya digabungkan maka suatu konsep perbahasan muncul daripada ungkapan ini kerana ianya gabungan antara unsur positif dan negatif. Agama kebiasaannya dihubungkan dengan unsur kemananan, kesejahteraan, kesederhanaan dan kebaikan yang terhasil daripadanya. Sedangkan *ghuluw* pula merupakan suatu unsur negatif yang melahirkan ketidakadilan, penyimpangan, kerosakan, kemusnahan dan seumpamanyanya.

Dari segi bahasa *ghuluw* (غلو) berasal daripada perkataan (غل) yang bermaksud tambah, lebih, tinggi²⁰. Ia juga bermaksud melampaui had, melebihi

²⁰ Al-Fairūzābādī, Majid al-Dīn Muhammad bin Ya‘qūb, 2005, *Al-Mu‘jam al-Wasīt*, Beirut: Muassasah al-Risālah, hal 1318,

sesuatu (*excessiveness*), membesar-besarkan (*exaggeration*), dan seumpamanya²¹.

Perkataan yang berlawanan dengannya adalah kurang (نَقْصٌ، رَّخْصٌ). Apabila dikatakan kepada seseorang غلوا في الأمر maka ia akan membawa makna seseorang itu telah melampaui batas atau had kebiasaan²².

Dalam kamus bahasa Inggeris pula *ghuluw* sinonim dengan perkataan “extreme” yang memberi beberapa makna seperti perangai ganas terutama sekali yang haram di sisi undang-undang, perasaan yang kuat atau meluap-luap dan juga berlawanan dengan sesuatu atau melanggar sesuatu²³.

Dalam *The Oxford Companion of the Body* menjelaskan bahawa extremisme dan keganasan sangat berkait rapat dan wujud dalam masyarakat. Muncul dalam pelbagai bentuk dan tahap sama ada secara fizikal, verbal, seksual atau psikologikal dan keganasan itu juga samada dicetuskan oleh individu, kumpulan, institusi ataupun negara-bangsa. Keganasan juga dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pada tahap mikrolevel dan juga makrolevel. Pada tahap mikrolevel, keganasan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu personal, kolektif dan juga institusi. Melihat dari kacamata sosiologi dan psikologi, keganasan pada tahap mikrolevel boleh dipengaruhi sama

²¹ Ba‘albaki, Rūhi, 1988, *Al-Mawrid*, Beirut: Dār al-‘Ilm Lil Malāyīn, hal 804, lihat juga Ibn Durīd, Abū Bakar Muḥammad bin al-Hasan, 1987, *Kitāb Jamharah al-Lughah*, Dār al-‘Ilm Li al-Malāyīn, jil 2, hal 961.

²² Al-Fairūzābādī, Majid al-Dīn Muhammad bin Ya‘qūb, 2005, *Al-Mu‘jam al-Wasīt*, Beirut: Muassasah al-Risālah, hal 1318, lihat juga

²³ Hornby, A. S, 2000, *Oxford Fajar: Advanced Learner’s English-Malay Dictionary*, Fajar Bakti Sdn Bhd, hal 2117.

ada oleh agama, kepercayaan politik atau ketaatan kepada kumpulan etnik dan juga negara²⁴.

Charles Selengut mendefinisikan *religious violence* sebagai suatu bentuk keganasan yang berhasil daripada perbuatan yang boleh membawa kepada ancaman atau yang mendatangkan kecederaan. Perbuatan atau tindakan tersebut pula boleh dilakukan sama ada dengan anggota badan, tulisan atau pengucapan. Aspek kecederaan (*injuries*) pula dapat dilihat dari sudut fizikal, psikologi, sosiologi atau simbolik sebagaimana yang berlaku terhadap agama. Oleh itu dalam takrifan beliau, beberapa aspek utama dapat dilihat dalam istilah keganasan agama (*religious violence*) iaitu suatu bentuk keganasan yang boleh membawa kepada kecederaan fizikal atau kematian, *self-mortification and religious suicide*, kecederaan berbentuk psikologi dan juga keganasan yang berbentuk simbolik²⁵.

Kontroversi pula merupakan suatu istilah yang membawa pelbagai makna. Dalam Kamus Dewan menyatakan kontroversi bermaksud perselisihan atau pertelingkahan pendapat dan sebagainya yang biasanya berlarutan dan meluas di antara golongan atau pihak yang berlainan pendirian, pendapat, fahaman dan sebagainya²⁶. Dalam bahasa Arab perkataan ini juga boleh disandarkan kepada istilah خلف yang membawa maksud perbezaan, dan istilah مخيرة yang bermaksud

²⁴ Colin Blakemore dan Shelia Jennett, 2001, “violence”, *The Oxford Companion to the Body* dari Encyclopedia.com, <http://www.encyclopedia.com/doc/10128-violence.html>, akses pada 3/3/2014.

²⁵ Selengut, Charles, 2003, *Sacred Fury: Understanding Religious Violence*: New York: Altamira Press, hal 9.

²⁶ Teuku Iskandar, 1997, *Kamus Dewan*, edisi ke-3, Dewan Bahasa dan Pustaka, hal 703.

perubahan serta istilah (تضاد) yang bermaksud pertentangan. Jika dilihat kepada makna *ikhtilaf* yang menjadi *masdar* kepada perkataan خلف maka ia akan membawa makna tiada persetujuan dan juga tiada persamaan²⁷. Dalam kamus *al-Mawrid* menyatakan makna kepada kontroversi antaranya perselisihan (*disagreement*), konflik (*conflict*), perbalahan (*contention*), kepelbagaiian (*variance*) dan perselisihan (*dispute*)²⁸. Dalam kamus-kamus Inggeris pula perkataan kontroversi (*controversy*) merujuk kepada suatu perselisihan (*dispute*) di antara dua pihak yang mempunyai pandangan yang berbeza dan berlawanan²⁹. Ia juga diberi makna pertikaian atau perdebatan (*contention*), perbezaan pendapat atau penyanggahan (*argument*), perselisihan faham (*discord*), perbincangan (*discussion*), perdebatan (*debate*), perselisihan (*quarrel*), pertengkaran(*wrangle*) dan perselisihan (*altercation*)³⁰. Dalam kajian ini kontroversi merujuk kepada perselisihan atau perbezaan yang wujud dalam Syiah merangkumi pelbagai aspek keagamaan seperti akidah, syariah, akhlak dan juga politik. Perbezaan ini dilihat dari perspektif Ahli Sunnah dan perbezaan ini bersifat berterusan.

Syiah dari segi etimologi berasal dari perkataan Arab شاعِيَّةٌ bermaksud pengikut atau pembantu seseorang. Ibn Manzūr memberi takrifan Syiah kepada sesiapa yang mengakui Saidina ‘Ali r.a sebagai khalifah dan juga dari kalangan *Ahl*

²⁷ *Mu’jam al-Wasit*, 2004, Maktabah al-Syurūq al-Dawliyyah, hal 251.

²⁸ Ba’lbaki, Rūhi, 1988, *Al-Mawrid*, Beirut: Dār al-‘Ilm Lil Malāyīn, hal 519.

²⁹ Soukhanov, Anne. H, 1992, *The American Heritages Dictionary of The English Language*, hal 1693.

³⁰ Morehead, Philip. D, 2001, *The New American Webster Handy College Dictionary*, 4th Ed, A Signet Book, hal 162.

Baytnya sehingga nama Syiah tersebut menjadi nama khusus kepada mereka³¹. Fairuzābādī³² dan al-Zabidi³³ juga memberikan takrifan yang hampir sama dengan Ibn Manzūr dengan menyatakan bahawa perkataan Syiah merujuk kepada sesiapa sahaja yang menjadi pengikut Saidina ‘Ali r.a dan juga *Ahli Baytnya* sehinggakan nama tersebut menjadi nama khusus bagi mereka. Al-Syīrāzī³⁴ pula memberikan takrifan Syiah kepada:

"الشيعة هم المسلمون الذين شارعوا واتبعوا أمير المؤمنين علي بن أبي طالب عليه السلام وأولاده الطاهرين بعد رسول ﷺ".

Maksudnya: "Syiah ialah orang Islam yang menyokong dan mengikut *amīr al-mukminīn* ‘Alī Bin Abī Ṭālib dan juga anak-anaknya yang suci selepas Rasulullah s.a.w".

Begitu juga al-Naubakhtī dan al-Qummī³⁵ memberi makna Syiah kepada:

"الشيعة وهم شيعة علي بن أبي طالب عليه السلام ومنهم افترقت صنوف الشيعة كلها"

Maksudnya: "Syiah ialah mereka yang menyokong ‘Alī Bin Abī Ṭālib dan daripada mereka telah berpecah golongan-golongan Syiah yang lain".

³¹ Ibn Manzūr, Abī al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukrim, 1979, *Lisān al-Arab*, Beirut: Dār Ṣādir, Jil 8, hal 189.

³² Fairuzābādī, Majd al-Dīn Muḥammad bin Ya‘qūb , 2008, *Qāmūs al-Muhiṭ*, Beirut: Dār al-Hadīth, hal 906.

³³ Al-Zabidī, Muḥammad Murtadā al-Husainī, 1984, *Tāj al-‘Urūs min Jawāhir al-Qāmus*, Maṭba‘ah Hukūmah al-Kuwait, Jil 21, hal 303.

³⁴ Al-Syīrāzī, Muḥammad al-Husainī, 2003, *al-Syī‘ah wa al-Tasyayya‘*, Hai’ah Muḥammad al-Amīn, hal 17.

³⁵ Al-Naubakhtī, Hasan bin Mūsa dan Sa‘ad bin ‘Abdullah al-Qummī, 1992, *Kitāb Firaq al-Syī‘ah, tahrīq Abd al-Mun‘im al-Hafāni*, Dār al-Rasyad, hal 15.

Maka takrifan kepada Syiah yang digunakan dalam kajian ini ialah sesiapa yang menjadi pengikut dan pembantu Saidina ‘Ali r.a dalam masalah khalifah selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Takrifan ini mencakupi semua cabang Syiah sama ada *Imāmah*, *Ismā‘iliyyah*, *Ithnā‘Asyariyah* dan sebagainya.

Perkataan analisis dalam kamus *al-Mawrid*³⁶ sinonim dengan perkataan تحليل yang membawa maksud رَدُّ الشَّيْءِ إِلَى عَنَاصِرِهِ menjelaskan sesuatu dari segi aspek-aspeknya. Kamus Dewan pula menjelaskan analisis adalah suatu bentuk penyelidikan atau penguraian sesuatu seperti keadaan, masalah, persoalan dan lain-lain untuk mengetahui pelbagai aspeknya (ciri-cirinya dan lain-lain)³⁷. Merriam Webster Dictionary³⁸ pula menjelaskan analisis sebagai suatu pengkajian yang teliti terhadap sesuatu untuk mengetahui bahagian-bahagiannya, apa dan bagaimana ianya berhubungan antara satu sama lain. Atau dengan makna yang lain ialah sesuatu penjelasan terhadap tabii dan juga makna bagi sesuatu perkara atau benda. Oleh itu dalam kajian ini, analisis digunakan sebagai suatu bentuk pengkajian yang mendalam terhadap elemen-elemen kontroversi yang muncul dari fahaman Syiah dalam pelbagai sudut dan aspek.

³⁶ Ba‘albaki, Rūhi, 1988, *Al-Mawrid*, Beirut: Dār al-‘Ilm Lil Malāyīn, hal 290.

³⁷ Teuku Iskandar, 1997, *Kamus Dewan*, Edisi ke-3, Dewan Bahasa dan Pustaka, hal 41.

³⁸ Merriam Webster Dictionary, <http://www.merriam-webster.com/dictionary/analysis>, akses pada 3/3/2014.

1.5. OBJEKTIF KAJIAN

Matlamat utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti isu-isu kontroversi yang terdapat dalam doktrin-doktrin keagamaan Syiah dan hubungannya dengan konsep *ghuluw* dalam agama.

Oleh itu melalui kajian ini, beberapa objektif yang ingin dicapai ialah:

1. Menjelaskan konsep *ghuluw* dan hubungannya dengan keganasan agama.
2. Mengenalpasti isu-isu kontroversi dalam Syiah.
3. Menganalisis isu-isu kontroversi dan hubungannya dengan elemen-elemen keganasan dalam Syiah berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.

1.6. KAJIAN TERDAHULU

Setakat pembacaan pengkaji, belum ada kajian yang spesifik dilakukan membicarakan tajuk keganasan agama dan analisis isu-isu kontroversi terpilih dalam kepercayaan dan amalan Syiah.

Walau bagaimanapun telah banyak penulisan yang berbentuk penolakan terhadap ajaran Syiah dihasilkan oleh para sarjana seperti ‘Abdullah Muḥammad al-

Salafī (*Min ‘Aqāid al-Syī‘ah*)³⁹, Hamīd al-Idrīsī (*al-Faqīh li Mazhab al-Syī‘ah al-Imāmiyah*)⁴⁰, ‘Ali Ahmad al-Salūs (*Ma‘a Ithnā ‘Asyariyah fi Uṣūl wa al-Furūq*)⁴¹, Syeikh ‘Abd al-Rahmān al-Dimashqīah (*Hiwar Hadi Bainā Sunnah Wa Shi‘a*)⁴², Ihsān Ilāhi Zāhir (*al-Syī‘ah wa Ahl al-Bayt*)⁴³, Abu Ḥamīd al-Ghazālī (*Faḍāih al-Bāṭiniyyah*)⁴⁴ dan lain-lain yang seumpamanya. Kebanyakan perbahasan dalam kitab-kitab ini lebih kepada penjelasan kepada penyelewengan yang berlaku dalam kalangan penganut Syiah, meliputi semua cabang Syiah sama ada *Imāmiyah*, *Ithnā ‘Asyariyah*, *Sab‘iyyah*, *Ta‘limiyyah* dan lain-lain.

Dalam melihat sejarah kemunculan dan perkembangan Syiah boleh dirujuk karya-karya dalam bahasa Inggeris antaranya Farhad Daftary (*The Ismailis: Their History and Doctrines*)⁴⁵. Buku ini dianggap cukup lengkap membicarakan tentang perkembangan Syiah *Ismā‘iliyyah* yang mencakupi sejarah dan juga persepsi penulis Islam dan juga Orientalis terhadap *Ismā‘ilism*. Dalam karya bahasa Melayu umpamanya boleh dijumpai buku *Agenda Politik Syiah*⁴⁶ yang dikarang oleh Kamaluddin Nurdin Marjuni yang memfokuskan kepada teori politik golongan Syiah sama ada *Zaidiyah*, *Imāmiyah* dan *Ismā‘iliyyah*. Buku tersebut menekankan perselisihan di antara cabang-cabang Syiah itu sendiri yang melibatkan isu politik

³⁹ Al-Salafī, ‘Abdullah Muḥammad , 2007, *Min ‘Aqāid al-Syī‘ah*, t.pt.

⁴⁰ Al-Idrīsī, Hamīd, 2007, *al-Faqīh li Mazhab al-Syī‘ah al-Imāmiyah*, Maktabah al-Riḍwān.

⁴¹ Al-Salūs, ‘Ali Aḥmad, 2003, *Ma‘a Ithnā ‘Asyariyah fi Uṣūl wa al-Furūq*, 4 jil, Maktabah Dār al-Qurān.

⁴² Al-Dimashqīah, Syeikh ‘Abd al-Rahmān, 2010, *Hiwar Hadi Bainā Sunnah Wa Shi‘a*, Ahlusunnah wal Jamaah Publications.

⁴³ Zāhir, Ihsān Ilāhi, t.th, *al-Syī‘ah wa Ahl al-Bayt*, Lahore, Idarah Tarjuman al-Sunnah.

⁴⁴ Al-Ghazālī, Abu Ḥamīd, 1964, *Faḍāih al-Bāṭiniyyah*, Qāherah: Maktabah al-‘Arabiyyah.

⁴⁵ Daftary, Farhad, 2007, *The Ismailis: Their History and Doctrines*, New York: Cambridge University Press.

⁴⁶ Kamaluddin Nurdin Marjuni, 2013, *Agenda Politik Syiah*, Selangor: PTS Millenia Sdn Bhd.

terutama dalam masalah Imam mereka. Begitu juga dengan buku karya Ahmad Faidzurrahim dengan tajuk “*Darah Syiah: Membongkar Pengkhianatan dan Kezaliman Syiah*”⁴⁷ yang membicarakan tentang sejarah pengkhianatan Syiah terhadap umat Islam dalam sejarah perkembangan Islam.

Dalam kitab yang dikarang oleh al-Salafi⁴⁸ cuba menjelaskan tentang Syiah *Rafīdah* dari segi sejarah kemunculannya, masalah mereka berhubung dengan Sifat Allah s.w.t, akidah mereka tentang al-Quran, sahabat, begitu juga akidah mereka tentang beberapa doktrin keagamaan seperti *al-raj‘ah*, *al-taqiyyah* dan juga nikah *muta‘ah*. Beliau juga cuba menjelaskan tentang hari-hari penting bagi penganut Syiah seperti hari ‘Asyura, menziarahi Najaf dan juga Karbala.

Di dalam kitab Hamīd al-Idrīsī⁴⁹ juga mengetengahkan perbincangan yang agak sama tentang Syiah tetapi lebih memfokuskan kepada Syiah *Ithnā ‘Asyariyah* dan membawa perbincangan yang lebih luas mencakupi beberapa aspek seperti unsur-unsur penyelewengan dalam masyarakat Syiah seperti unsur syirik dalam akidah dan ibadah mereka. Beliau juga menyentuh tentang penyelewengan Syiah yang akhirnya membawa kepada pembunuhan mereka yang berfahaman Sunni. Perkara ini jelas berlaku dalam sejarah sama ada di Iraq dan Afghanistan, bahkan para penganut Syiah juga diajar dan dimomokkan dengan kepercayaan bahawa jika

⁴⁷ Ahmad Faidzurrahim, 2013, *Darah Syiah: Membongkar Pengkhianatan dan Kezaliman Syiah*, Kuala Lumpur: Darul Taklim.

⁴⁸ Al-Salafi, Abdullah Muhammad , 2007, *Min ‘Aqaid al-Syiah*, t.pt.

⁴⁹ Al-Idrīsī, Hamīd, 2007, *al-Faḍīḥ li Mazhab al-Syī‘ah al-Imāmiyah*, Maktabah al-Riḍwān.

mereka dapat membunuh penganut Sunni yang ingkar kepada Imam mereka maka mereka akan mendapat balasan pahala atas perbuatan tersebut.

Al-Sālus⁵⁰ pula menghuraikan konsep *Imāmiyah* dari sudut al-Quran dan al-Sunnah bersama dengan hujah-hujah pendalilan yang batil dan juga sumber ambilan hukum yang lemah daripada ulama Syiah dalam menjustifikasi konsep *Imāmah* mereka. Dalam empat jilid kitab ini, beliau membuat perbandingan antara Syiah dan juga Ahli al-Sunnah dalam membentuk hukum-hukum sama ada dari sudut ilmu hadis, tafsir dan juga dalam masalah berkaitan *fīqh* dan *uṣūl al-fīqh*. Pada pandangan beliau, di antara Sunni dan Syiah sukar untuk disatukan dan usaha ke arah tersebut adalah sia-sia kerana asas kepada aqidah mereka yang tidak berpaksikan kepada al-Quran dan juga al-Sunnah. Para ulama mereka memutarbelitkan fakta sejarah dengan melakukan *tahrīf* terhadap al-Quran dan juga penyelewengan terhadap hadis-hadis demi membela dan menguatkan pandangan mazhab mereka.

Al-Dimashqiyah⁵¹ pula mengutarakan sebuah penulisan yang berbentuk perdebatan antara doktrin yang terdapat dalam Syiah dan didatangkan dengan hujah-hujah yang rasional terhadap isu-isu yang dikemukakan. Perbahasan dalam kitab beliau disusun dalam empat belas bab yang mencakupi topik-topik utama isu-isu yang berkaitan dengan Syiah. Antara topik perbincangan yang dikemukakan ialah

⁵⁰ Al-Salūs, ‘Ali Aḥmad, 2003, *Ma‘a Ithnā ‘Asyariyah fi Uṣūl wa al-Furū‘*, 4 jil, Maktabah Dār al-Qurān.

⁵¹ Al-Dimashqiah, Syeikh ‘Abd al-Rahman, 2010, *Hiwar Hadi Baina Sunnah Wa Shi‘a*, Ahlusunnah wal Jamaah Publications.

dalam masalah yang berkaitan dengan doktrin-doktrin dalam Syiah dan perbandingannya dengan *Ahl al-Sunnah*, sumber kepada Sunnah pada pandangan Syiah, konsep *maksum*, konsep *taqiyah*, perkara bidaah yang dilakukan oleh Syiah dan akhir sekali berkenaan Syiah yang ada pada hari ini.

Begitu juga para ulama Syiah sendiri berusaha menulis pelbagai kitab yang membela ajaran mereka dan berusaha untuk menjustifikasi ajaran mereka sebagai benar dan memenuhi tuntutan agama. Antara kitab-kitab mereka seperti Khalīfah ‘Abīd al-Kalbānī al-Amānī (*Mabda’ al-Tasyayya*)⁵², Muḥammad Jawād Mugniyyah (*al-Syī’ah wa al-Hākimūn*)⁵³, Muḥammad Maḥmūd al-Munzalawī (*al-Syī’ah wa Zulm al-Salāṭīn*)⁵⁴, al-Hāji Mirza ‘Alī al-Hāiri (*Aqīdah al-Syī’ah*)⁵⁵, Ṣādiq Mahdī al-Ḥusainī (*Haqāiq an al-Syī’ah*)⁵⁶, As’ad Wahīd al-Qāsim (*Haqīqah al-Syī’ah Ithnā ‘Asyariyyah min Ṣahāh al-Sunnah*)⁵⁷. Lahirnya kitab-kitab ini sebagai suatu usaha untuk membela agama Syiah.

Walaupun telah banyak kitab yang dihasilkan membicarakan tentang Syiah yang mencakupi semua cabang Syiah yang utama namun belum dijumpai suatu kajian khusus yang memfokuskan tentang konsep *ghuluw* dalam agama dan dihubungkan dengan ajaran-ajaran yang terdapat dalam Syiah. Namun untuk melihat

⁵² Al-Kalbānī, Khalīfah ‘Abīd, 2007, *Mabda’ al-Tasyayya*, Bahrain: Dār al-‘Ismah.

⁵³ Mugniyyah, Muḥammad Jawād, 2000, *al-Syī’ah wa al-Hākimūn*, Beirut: Dār al-Jawād.

⁵⁴ Al-Munzalawī, Muḥammad Maḥmūd, 2007, *al-Syī’ah wa Zulm al-Salāṭīn*, Beirut: Dār al-Mahajjah al-Baiḍā’.

⁵⁵ Al-Hāiri, al-Hāji Mirza, 1967, *Aqīdah al-Syī’ah*, t.pt.

⁵⁶ Al-Ḥusainī, Ṣādiq Mahdī, *Haqāiq an al-Syī’ah*, Beirut: Muassasah Sayyidah Zainab al-Khairiyah.

⁵⁷ Al-Qāsim, As’ad Wahīd, *Haqīqah al-Syī’ah Ithnā ‘Asyariyyah min Ṣahāh al-Sunnah*, Beirut: Muassasah al-Ghadir.

hubungan di antara gerakan keagamaan yang boleh membawa kepada tercetusnya keganasan maka pengkaji bersandarkan kepada beberapa penemuan penulisan yang berkaitan dengannya antaranya Isaela Silberman, E. Tory Higgins dan Carol S. Dweck (*Religion and World Change: Violence and Terrorism Versus Peace*)⁵⁸, Natalia Vlas (*Is Religion Inherently Violent? Religion As A Threat and Promise For Global Security*)⁵⁹, Bruce Hoffman (“*Holy Terror*”: *The Implications of Terrorism Motivated By A Religious Imperative*)⁶⁰, Jonathan L. Khalife (*A Karbala Sacred Canopy: Utilizing Apocalyptic to Advance Hizbulah’s Islamic Jihadist Movement*)⁶¹. Kesemua kajian ini lebih menjurus kepada keganasan yang berlaku dalam konteks politik iaitu melibatkan perang dan dikaitkan pula dengan hubungan keagamaan terutamanya Syiah. Aspek politik dijadikan sebagai jambatan untuk memperjuangkan kefahaman mereka dan juga sebagai suatu tindakan yang berbentuk *sacramental act* dalam memperjuangkan agama⁶². Kebanyakan penulisan yang melibatkan keganasan dalam beragama dibincangkan dalam skop “religious violence” yang lebih terarah kepada keganasan yang berbentuk politik seperti perang, pembunuhan dan sebagainya.

⁵⁸ Silberman, Isaela, E. Tory Higgins dan Carol S. Dweck, 2005, *Religion and World Change: Violence and Terrorism Versus Peace* dalam *Journal of Social Issues*, Vol 61(4), hal 761-784.

⁵⁹ Vlas, Natalia, 2010, *Is Religion Inherently Violent? Religion As A Threat and Promise For Global Security* dalam *Politics and Religion* Vol 4(2), Romania: Centre For Political Analysis, Babes Bolyai University.

⁶⁰ Hoffman, Bruce, 1993, “*Holy Terror*”: *The Implications Of Terrorism Motivated By A Religious Imperative*, RAND Publications.

⁶¹ Khalife, Jonathan L. t.th, *A Karbala Sacred Canopy: Utilizing Apocalyptic to Advance Hizbulah’s Islamic Jihadist Movement*, (atas talian), <https://shprs.clas.asu.edu>, akses pada 17/12/2013.

⁶² Hoffman, Bruce, 1993, “*Holy Terror*”: *The Implications of Terrorism Motivated By A Religious Imperative*, RAND Publications, hal 2.